

30/06/1999

SPR bebas tentukan tempoh kempen

KUALA LUMPUR, Selasa - Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bebas untuk menentukan tempoh kempen pilihan raya selepas Parlimen dibubarkan, dengan mengambil kira pelbagai faktor bagi memastikan pengundian berjalan lancar.

Setiausahanya, Datuk Wan Ahmad Wan Omar, bagaimanapun berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berhak menyuarakan pandangan mengenai risiko kesan buruk jika tempoh kempen pilihan raya terlalu panjang.

"Ini kerana Perdana Menteri bertanggungjawab atas keselamatan negara dan penduduk negara ini secara keseluruhannya," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata, SPR hanya akan memutuskan tempoh kempen pilihan raya apabila tiba masanya dan suruhanjaya juga tidak perlu 'ditunjuk ajar' oleh sesiapa mengenai perkara itu.

Sehubungan itu, Wan Ahmad menyangkal dakwaan Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang, bahawa kenyataan Dr Mahathir mengenai tempoh berkempen baru-baru ini bercanggah dengan Perlembagaan.

Kit Siang dalam kenyataannya kelmarin mendakwa kenyataan Perdana Menteri itu dianggap campur tangan 'dengan memberi arahan kepada SPR mengenai bagaimana badan itu sepatutnya mengadakan pilihan raya sejajar dengan Perlembagaan.'

Khamis lalu, Dr Mahathir ketika ditanya pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional (BN), berkata tempoh kempen yang panjang boleh mencetuskan kekacauan seperti pada 1969.

Ketika itu, tempoh berkempen ialah enam minggu.

Rasa tidak puas hati pemimpin DAP itu mengenai tempoh pilihan raya bukan sesuatu yang baru, malah menjelang pilihan raya umum 1995, beliau pernah menggambarkan tempoh berkempen selama 10 hari sebagai terlalu singkat.

Ketika menjelaskan faktor yang perlu diambil kira, Wan Ahmad berkata, soal keselamatan penting dipertimbangkan kerana SPR turut ditugaskan menjamin keselamatan penduduk dan kelancaran proses pengundian.

Mengikut peraturan pilihan raya, tempoh berkempen paling pendek ialah tujuh hari.

Bagaimanapun, setakat ini tempoh berkempen yang paling pendek dalam sejarah pilihan raya di negara ini sejak 1959 adalah 10 hari iaitu pada pilihan raya umum 1986, 1990 dan 1995.

Dalam pilihan raya pertama pada 1959, 1964 dan 1969, tempoh berkempen adalah 35 hari, sebelum dipendekkan kepada 16 hari pada 1974 dan masing-masing 15 hari pada 1978 dan 1982.

Mengikut Peraturan-Peraturan Pilihanraya (Perjalanan Pilihanraya) 1981 Fasal 3 (1), hari penamaan calon tidak kurang daripada empat hari selepas tarikh disiarkan notis itu dan tarikh atau tarikh-tarikh bila pengundian akan dijalankan jika pilihan raya itu dipertandingkan (yang disebut dalam peraturan-peraturan ini "Hari Mengundi") yang tidak kurang daripada tujuh hari selepas hari penamaan calon.

Menurut sumber, tiada had maksimum bagi tempoh berkempen tetapi pilihan raya mesti diadakan dalam tempoh 60 hari selepas pembubaran Parlimen.

Kali terakhir pilihan raya umum diadakan ialah pada April 1995. Tempoh kerajaan sekarang berakhir pada 7 Jun 2000 dan Parlimen akan terbubar secara automatik.

Mengikut Perlembagaan Persekutuan, pilihan raya mesti diadakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh pembubaran dan jika dikira dari tarikh akhir

tempoh Parlimen, pilihan raya perlu diadakan selewat-lewatnya 6 Ogos 2000.

Kira-kira 9.7 juta rakyat negara ini layak mengundi, termasuk 700,000 orang yang akan memilih buat pertama kali, jika pilihan raya umum diadakan tahun ini.

(END)